

Kekayaan negara diagih secara adil **Negeri harus saling membantu**

Oleh WAN HAMIDI HAMID

MELAKA, Selasa — Semua kerajaan negeri harus bantu-membantu supaya kekayaan negara dapat diagihkan dengan lebih adil dan saksama selaras dengan konsep Persekutuan Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pembangunan di sesebuah negeri akan menguntungkan negeri lain manakala kemunduran sesebuah negeri akan merugikan negara.

“Sebab itu kita harus ada usaha tolong-menolong dalam bentuk persekutuan supaya kita dapat mengagihkan kekayaan secara lebih saksama dan adil. Negeri-negeri akan mempunyai hasil untuk bayar cukai kepada Kerajaan Pusat dan wang itu boleh diagihkan kepada negeri yang agak miskin.

“Dengan cara itu, kita dapat membangukan semua negeri dengan cara sama rata dan tidak menimbulkan perasaan iri hati terhadap negeri sudah maju. Inilah konsep persekutuan yang ada di negara kita,” katanya selepas majlis taklimat pembangunan negeri Melaka yang disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Zam Abdul Wahab di Seri Negeri di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Kabinet, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Ahli Exco Negeri,

termasuk Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, negeri yang mempunyai pendapatan lebih harus menerima hakikat bahawa mereka tidak boleh mendapat peruntukan sama yang diberikan kepada negeri yang lebih mundur oleh Kerajaan Pusat.

“Negeri yang berpendapatan lebih tidak perlu meminta peruntukan yang mereka sendiri mampu tampung. Ada kerajaan negeri yang punyai defisit besar seperti Kelantan yang cuma mampu mngutip \$50 juta setahun yang tidak cukup untuk mmbayar gaji. Begitu juga Kedah.

“Sehubungan itu, kita harus menerima hakikat bahawa agihan yang tidak sama perlu dilaksanakan untuk mencapai persamaan,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, Kerajaan Pusat mempunyai kewangan terhadap yang diperolehi melalui cukai hasil tortrtu.

Bagaimanapun, katanya, dalam beberapa tahun lalu, pertumbuhan ekonomi lrih pesat daripada pertumbuhan hasil kerajaan.

Beliau berkata, keadaan itu menyebabkan pendapatan negara tidak meningkat secepat pertumbuhan rkonomi pada kadar di antara sermbilan dan 10 peratus

berbanding hasil cukai Kerajaan Pusat hanya pada kadar di antara satu dan dua peratus saja.

“Sebaliknya, pertumbuhan ekonomi bukan saja memerlukan pelaburan daripada pihak yang mendirikan kilang tetapi juga pelaburan kerajaan. Jika kilang dibina dengan harga \$100 juta, Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri terpaksa membekalkan infrastruktur yang cukup untuk bantu perusahaan itu.

“Secara kasar, perbelanjaan infrastruktur adalah pada kadar 10 peratus daripada nilai pelaburan, iaitu bagi membekalkan elektrik, air, jalan raya, lapangan terbang dan pelabuhan serta pendidikan untuk menghasilkan tenaga kerja yang cekap,” katanya.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan terus memikirkan usaha menyediakan kemudahan yang cukup untuk negara ini yang membangun dengan begitu pesat.

Beliau berharap semua pegawai dan kakitangan kerajaan terus gigih bekerja, berdisiplin, amanah, tidak melakukan sesuatu yang merugikan, membuat keputusan tepat dan cepat serta tidak menghalang kemajuan kerana amalan sedemikian penting bagi membawa Malaysia ke arah negara maju menjelang tahun 2020.